Jangan buat laporan salah laku untuk menang jawatan

UM 8 OCT 2006

KUALA LUMPUR 7 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan ahli UMNO supaya tidak membuat laporan salah laku terhadap anggota parti hanya kerana mahu memenangi jawatan tertentu yang dipertandingkan.

Tegasnya, adalah sesuatu tidak kena apabila laporan tersebut dibuat termasuk kepada polis, ketika berlaku pemilihan jawatan dalam parti.

Menurutnya, setiap ahli UMNO sebenarnya bebas membuat laporan' salah laku terhadap sesiapa sahaja tetapi ia tidak boleh bermotif politik.

Dalam hubungan ini, beliau turut menafikan telah memberi restu kepada ahli Puteri, Elly @ Zalilah Yusof supaya membuat laporan polis terhadap penyelewengan harta yang dimiliki oleh Puteri.

"Bukan (saya bagi restu sebaliknya), dia (Zalilah) bagi tahu ada kesalahan dan saya kata kalau ada kesalahan, laporkan pada polis. Ini kesalahan lain, bukan kesalahan politik.

"Setiap ahli UMNO sebenarnya bebas membuat laporan (salah laku) tapi janganlah kerana kepentingan politik. (Contohnya) bila nak bertanding ketua bahagian, kita tiba-tiba keluarkan kenyataan akhbar, itu tak kenalah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Audit Negara Komanwel Ke-18 di Hotel Palace of The Golden Horses di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas dakwaan Zalilah bahawa dia mendapat restu daripada beliau bagi melaporkan penyelewengan harta yang dimiliki oleh Puteri kepada polis.

Zalilah yang mendakwa pernah menjadi pembantu peribadi kepada Ketua Penaja Puteri, Azalina Othman Said berkata, empat buah van milik pergerakan itu telah didaftar atas nama orang perseorangan yang mempunyai kaitan dengan Azalina.

Pada 2 Oktober lalu, Zalilah yang dipanggil menghadap Lembaga Disiplin UMNO mengaku tidak bersalah atas pertuduhan melanggar tata etika parti.

Beliau sebaliknya memohon lembaga itu menyiasat masalah dan aduan yang dibuatnya terhadap Azalina.

Mengikut perlembagaan UMNO, seseorang ahli perlu merujuk masalah parti kepada saluran dalaman tanpa melibatkan mahkamah.

Mengulas lanjut Dr. Mahathir berkata, penyertaan ramai ahli Puteri menawarkan diri bertanding jawatan utama termasuk Ketua dan Naib Ketua pada pemilihan 1 November ini tidak akan menjejaskan program mengukuhkan sayap baru tersebut.

"Pada mulanya mesti ada masalah tapi lama-kelamaan bila gigi dia dah tumbuh, kukuhlah," katanya.